

# Kaji hidupan air di Terengganu

» UMT, UniZA terima kawasan 40 hektar untuk pusat penyelidikan

Oleh Baharom Bakar  
bhkt@bharian.com.my

■ Kuala Terengganu

Kerajaan negeri setuju meluluskan permohonan tanah seluas 40 hektar kepada dua universiti awam untuk dijadikan pusat penyelidikan berdasarkan alam semula jadi dan hidupan air di Tasik Kenyir, Kuala Berang, Hulu Terengganu.

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), masing-masing akan menerima 20 hektar tanah.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sains, Teknologi dan Tugas-Tugas Khas negeri, Ghazali Taib, berkata dua universiti itu diarahkan mengutamakan penjagaan alam sekitar ketika melaksanakan projek pembangunan termasuk pembinaan kampus penyelidikan.

Katanya, kerajaan negeri memberi kebebasan kepada universiti itu untuk melaksanakan projek menyediakan infrastruktur membina bangunan untuk dijadikan pejabat atau kampus, tetapi setiap pembangunan perlu mengu-



Ghazali (kanan) menyampaikan sumbangan kepada veteran UMNO peringkat DUN Ajil pada majlis Jasamu dikenang di Ajil, semalam.

[FOTO BAHAROM BAKAR/BH]

tamakan kelestarian alam sekitar.

"Kerajaan negeri pada dasarnya bersetuju meluluskan permohonan tanah seluas 20 hektar kepada UMT dan UniSZA tetapi setiap projek menyediakan infrastruktur perlu mendapat kelulusan agensi Kerajaan Persekutuan termasuk Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Perhutanan.

"Kita tidak mahu pembangunan boleh memusnahkan alam sekitar merosakkan pelbagai spesies flora dan fauna,

pencemaran air dan penebangan hutan secara tidak terkawal," katanya.

#### Siapkan kertas kajian

Beliau ditemui selepas merasmikan Program Majlis Jasamu Dikenang dan menyampaikan sumbangan kepada 100 bekas pemimpin UMNO peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Ajil di sini, semalam.

Ghazali berkata, kerajaan negeri juga sedang melakukan kajian dan menyiapkan kertas cadangan untuk mewujudkan

beberapa institusi pengajian di Tasik Kenyir.

"Berdasarkan pelan pembangunan kerajaan negeri, Tasik Kenyir akan dijadikan pusat penempatan dan wilayah baharu berikutnya banyak projek perumahan dan pusat beli belah serta perhotelan akan dibina."

"Kita akan mengadakan perbincangan lanjut dan mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan agar lebih banyak institusi pengajian dibina di Tasik Kenyir," katanya.